

AGAMA ITU NASIHAT

TAUBAT

Taubat itu asal maknanya ialah kembali. Seseorang yang berbuat sesuatu kesalahan kemudian ia menyesal dan berniat tidak akan membuat kesalahan itu lagi maka ia dinamakan taubat yakni ia kembali daripada kesalahan itu atau berbalik kepada keadaan yang baik atau berbalik taat kepada Allah. Di dalam Al-Quran ada beberapa banyak ayat yang maknanya “Barangsiapa taubat nescaya Allah akan “taubat” atasnya” - Maksudnya: “Barangsiapa berbalik taat kepada atau kembali kepada keadaan yang baik maka Allah akan kembali kepadanya yakni Allah akan mengampunkan atau Allah akan balik menolong atau mengasihani”. Dengan kerana itu biasanya dengan ringkas maksud itu dimaknakan: “Barangsiapa bertaubat Allah akan terima taubatnya atau Allah akan ampunkan dia”.

Taubat yang tersebut di dalam Al-Quran ada dua jenis: (1) Taubat orang kafir daripada kekafirannya, (2) Taubat orang Islam daripada kesalahannya. Taubat daripada kekafiran itu sudah tentu dengan meninggalkan kekafiran dan masuk Islam. Taubat daripada kesalahan dan dosa itu ada dua macam pula: (1) Taubat yang sempurna dan (2) Taubat yang lebih sempurna.

Taubat yang sempurna dari sesuatu dosa itu ialah (A) meninggalkan perbuatan itu, (B) menyesal ke atas perbuatan itu, (J) berniat tidak akan mengerjakan perbuatan itu lagi dan (D) minta ampun kepada Allah atas kesalahan itu. Perhatikan firman Allah dan sabda Rasulullah (SAW) yang tersebut di bawah ini:-

Firman Allah di dalam surah al-Imran ayat 134 demikian maksudnya:

“Dan mereka yang apabila melakukan sesuatu perbuatan

yang keji dan menganiyai diri mereka sendiri, mereka ingat kepada Allah dan minta diampunkan dosa-dosa mereka kerana bukankah tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah? Dan mereka tidak berkekalan mengerjakan dosa-dosa yang telah dilakukan itu kerana mereka mengetahuinya”

Dan firman Allah di dalam surah at-Tahrim ayat 8 maksudnya “Hai orang-orang yang beriman bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha (yang sebenar-benarnya). Mudah-mudahan Allah hapuskan dosa-dosa kamu dan ia masukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir padanya sungai-sungai. Rasulullah (SAW) bersabda: “Sesal itu taubat” (Hadis sahih riwayat Ahmad Hakim dan Ibnu Hibban).

Daripada keterangan-keterangan yang tersebut di atas kita boleh faham bahawa sekurang-kurang taubat yang sah itu ialah taubat orang yang menyesal atas perbuatan-perbuatannya yang salah kerana orang yang menyesal itu (1) meninggalkan perbuatan salah yang sedang dikerjakan, jika ia belum meninggalkannya bermakna belum ia menyesal. (2) ia tentu tidak akan berbalik mengerjakan perbuatan yang salah itu – jika ia masih ingat hendak mengerjakan

Penderitaan Hidup!!

Ditegah benar-benar digunakan oleh bujang

(1) Makjun permaisuri sehabis hairan dengan lekas mengembalikan bikir (dara), menjalankan haid dengan tetap sedang harganya sebotol besar \$6.50 – bersih pos.

(2) Makjun Tajul Rijal mengembalikan kekuatan syahwat dan menambahkan segala-galanya. Perempuan boleh juga memakannya. Sebotol besar \$7.50 botol tiga suku \$6.00 bersih kelas (A)

(3) Cinta Ajaib ubat lazat yang asli mendatangkan keriaan. Sebotol \$2.50

C. MOHD. BIN ABD. RAHMAN

No.216, KEDAI PAYANG,

TERENGGANU.

ATAU No.154A & 155A, MARANG,

TERENGGANU.

Di Singapura: A.Hashim 134 Arab Street

kesalahan maka belumlah ia dinamakan menyesal. (3) Ia tentu meminta ampun atas kesalahannya itu kerana inilah sifat yang sebenar-benarnya orang menyesal.

Adapun taubat orang yang telah sempurna itu adalah seperti firman-firman Allah yang tersebut di bawah ini:-

Firman Allah di dalam surah al-Maidah ayat 39 maksudnya: “Barangsiapa bertaubat sesudah kezalimannya (atas dirinya) dan ia memperbaiki (dirinya) maka Allah akan mengampunkan dia kerana sesungguhnya Allah itu Pengampun, Penyayang”.

Firman Allah lagi di dalam surah an-Nisaa’ ayat 17 maksudnya “Tidak ada taubat yang wajib atas Allah (menerima) melainkan bagi orang-orang yang mengerjakan kejahatan dengan kebodohan kemudian mereka bertaubat dengan segera. Mereka ini akan diberi ampun oleh Allah kerana Allah itu Mengetahui, Bijaksana” (Kebodohan yang dimaksudkan di sini ialah mengerjakan sesuatu dengan tidak mengambil endah buah yang terbit daripada perbuatannya itu). Firman Allah lagi di dalam surah Hud ayat 115 maksudnya “Sesungguhnya kebaikan itu boleh menghilangkan kejahatan”.

Daripada ayat-ayat yang tersebut di atas ini pula dapat kita faham bahawa orang yang membuat dosa lalu bertaubat dan memperbaiki dirinya dengan amal-amal yang baik; dan orang-orang yang melakukan dosa lalu ia taubat dengan segera itu akan diampunkan Allah asakan sahaja taubatnya benar dengan ikhlas.

Oleh sebab itu kita ini manusia dan manusia itu selain daripada nabi-nabi tidak terpelihara daripada dosa dan oleh sebab Tuhan telah membukakan kepada kita pintu taubatnya maka sepatutnya kita bersihkan diri kita daripada segala dosa-dosa yang sedang kita kerjakan sendiri dan segala dosa-dosa yang berlaku di dalam tanggungan rumahtangga kita serta kita minta ampun kepada Allah daripada dosa-dosa yang telah lalu (yang terdahulu) dan kita minta supaya Allah pelihara akan kita daripada mengerjakan dosa-dosa pada masa yang akan datang dan hendaklah kita banyak beramal salih supaya amal-amal baik itu walau mengalahkan amal-amal kita yang jahat-jahat dan janganlah kita lalai daripada taubat kerana kita tidak mengetahui bila ajal kita akan tiba.

SEMENANJUNG TANAH PUSAKA

(Oleh Abdullah Basmeh)

“Di atas robohan kota Melaka
Kita dirikan jiwa merdeka”
Inilah cogan belia jejak
Segenap rakyat puja belaka!

Semenjak dahulu zaman paduka
Telah dinyanyikan jadi seloka
Melayu tidak membuang baka
Sedia membela tanah pusaka!

Sedia menentang atom rentaka
Ataupun curang, khianat celaka
Dari pihak seteru puaka
Kepada Semenanjung tanah pusaka!

Demikianlah azam bukan direka
Pemuda pemudi jiwa merdeka
Tanah Melayu tanah pusaka!
Sekali merdeka! Tetap merdeka!!

Kita hendaklah ingat kepada firman Allah dalam surah an-Nisaa’ ayat 18 yang maksudnya: Taubat itu tidak (sah) bagi orang-orang yang mengerjakan kejahatan-kejahatan hingga apabila hampir maut kepada seseorang daripada mereka itu (baru) ia berkata – sekarang aku bertaubat”

Rasullullah (SAW) bersabda: “Sesungguhnya Allah menerima taubat hambanya selama rohnya belum sampai ke kerongkong”.

Demikianlah taubat yang dikehendaki yang patut kita pelajari supaya jangan tiba kepada tidak sempat lagi.

(Dipetik daripada Majalah al-Lisan 24 Februari 1936)

Menyatakan celaan itu lebih baik daripada menyembunyikan kedengkian. – kata Hakim.